

**SPNB Baik Pulih 27, 783 Unit Rumah Terbengkalai Di Seluruh Negara
Bernama
20 Januari, 2013**

IPOH, 20 Jan (Bernama) -- Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) telah membaik pulih 86 projek melibatkan 27,783 unit rumah terbengkalai di seluruh negara, dengan kos pembangunan berjumlah RM613 juta, setakat ini.

Ahli Lembaga Pengarah SPNB Datuk Shuib Md Yusop berkata daripada jumlah itu 32 projek membabitkan 14,538 unit rumah dibaik pulih melalui bantuan kewangan manakala 54 projek membabitkan 13,245 unit rumah dibaik pulih dengan bantuan khidmat nasihat.

"SPNB kini sedang membaik pulih empat projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2009 yang melibatkan 413 unit rumah dengan kos pemulihan RM46.5 juta," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran jualan Rumah Mampu Milik (RMM) Fasa Dua di Taman Lahat Indah 2 di sini, Ahad.

Projek perumahan berkeluasan 12.42 hektar itu secara keseluruhannya mempunyai 226 unit kediaman yang dibahagikan kepada dua fasa yang mana fasa kedua melibatkan pembangunan bercampur iaitu 50 unit rumah teres satu tingkat kos sederhana, 32 unit teres dua tingkat dan satu unit lot banglo.

Rumah teres satu tingkat kos sederhana yang berharga RM99,999 mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air, unit teres dua tingkat mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik bernilai RM197,194 manakala lot banglo berharga RM322,616.

Beliau berkata sebanyak 15,320 unit rumah RMM yang melibatkan 29 projek di Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kelantan, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor Baharu, Labuan, Sabah dan Sarawak telah siap dibina sehingga kini.

Katanya sembilan projek yang melibatkan pembinaan 6,167 unit masih di dalam peringkat pembinaan.

"Sabah mencatatkan pembinaan RMM tertinggi di mana sebanyak dua projek sedang dibangunkan membabitkan 2,040 unit rumah," katanya.

SPNB menerima 57,893 permohonan dari seluruh negara, sejak program tersebut diperkenalkan pada 2002, katanya.

Selain itu, beliau berkata sebanyak 34,678 permohonan bagi Rumah Mesra Rakyat (RMR) telah dinilai dan daripada jumlah itu SPNB telah menyerahkan 19,489 unit rumah di seluruh negara dengan nilai projek RM1.2 bilion.

"Di Perak, SPNB menerima sebanyak 5,795 permohonan dan telah meluluskan 3,462 permohonan dengan peruntukan sebanyak RM225 juta. Setakat ini, SPNB telah menyerahkan 1,959 unit rumah dan kini sedang membina dan memproses perjanjian sebanyak 753 unit rumah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=923037>